

Pg. P.U. 31.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (RUMAH-RUMAH SEMBELIH) MAJLIS
PERBANDARAN PULAU PINANG, 1979

Akta 171.

BAHAWASANYA sebagai menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 73 (e) dan 102 (s) Akta Kerajaan Tempatan, 1976; Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada mesyuarat Majlis yang telah bersidang pada 1hb Februari, 1979, telah meluluskan Undang-undang Kecil (Rumah-rumah Sembelih) Majlis Perbandaran Pulau Pinang, 1979 (yang mana selepas ini dirujuk sebagai "undang-undang kecil");

Oleh itu maka sekarang pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihakberkuasa Negeri dengan ini mengesahkan undang-undang kecil seperti berikut:

Nama.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil (Rumah-rumah Sembelih) Majlis Perbandaran Pulau Pinang, 1979.

Tafsiran.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

"haiwan" ertinya lembu kerbau, kambing biri-biri, kambing, babi dan semua haiwan mencero yang lain;

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang;

"Pegawai Pelesenan" ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Haiwan Majlis dan termasuk Timbalannya;

"Pegawai Haiwan Perbandaran" ertinya pegawai yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Haiwan Majlis dan termasuk Timbalannya serta seorang Penolong Doktor Haiwan dan mana-mana pegawai lain yang biasanya diberikuasa secara bertulis oleh Pegawai Pelesenan bagi tujuan itu;

"Rumah Bantai Perbandaran" ertinya rumah sembelih yang ditubuh, disenggara, dikawal dan dikendalikan oleh Majlis;

"tanda Rumah Bantai Perbandaran" ertinya cap Jabatan Haiwan Perbandaran yang diluluskan oleh Pegawai Pelesenan;

"Papanama" ertinya sebarang papan, atau permukaan di sebelah dinding luar sesebuah bangunan atau sebarang tanda yang dipasang ke sesebuah bangunan yang mana digunakan hanya untuk tujuan memberi nama orang atau firma yang berniaga di dalam bangunan yang sama, bersama-sama dengan jenis tred atau perniagaan yang dijalankan;

"penduduk" ertinya orang yang menduduki premis yang mengenainya perkataan itu digunakan atau yang menjaga, mengurus atau mengawalnya samada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seorang lain tetapi tidak termasuk seseorang penumpang;

"pemunya" ertinya tuanpunya berdaftar tanah itu dan jika, pada pendapat Majlis, tuanpunya berdaftar tanah itu tidak dapat dikesan, ertinya orang yang pada masa itu menerima sewa bagi premis yang berkaitan dengannya perkataan itu digunakan samada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima atau yang akan menerima sewa itu jika premis itu di-sewakan kepada seorang tenan;

"Premis" ertinya sebarang rumah kediaman, kedai, gerai pondok, syed atau kepungan beratap, samada digunakan bagi maksud kediaman manusia atau sebaliknya;

"rumah sembelih" ertinya sebarang premis yang dilesenkan sebagai sebuah rumah sembelih di bawah undang-undang kecil ini untuk menyembelih haiwan-haiwan yang mana dagingnya adalah dimaksudkan untuk jualan bagi makanan manusia dan termasuk sebarang premis yang ada berhubung dengannya untuk mengurung haiwan-haiwan sementara menunggu untuk disembelih di situ atau untuk disimpan, atau untuk dirawat atau diproses, bahan-bahan dari penyembelihan haiwan-haiwan di sana.

3. Tidak ada apapun di dalam undang-undang kecil ini yang akan terpakai berkaitan dengan mana-mana Rumah Bantai Perbandaran.

4. (1) Pegawai Pelesenan boleh melesenkan sebarang premis sebagai sebuah rumah sembelih dan boleh, menurut budibicaranya pada bila-bila masa, menggantung ataupun membatalkan lesen yang sedemikian.

Melesenkan
rumah-rumah
sembelih.

(2) Setiap permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Pelesenan dengan menggunakan satu borang yang disediakan olehnya.

(3) Pegawai Pelesenan boleh, menurut budibicaranya, melulus ataupun menolak permohonan yang sedemikian itu.

(4) Tiap-tiap satu lesen adalah untuk tempoh tidak kurang dari sebulan atau lebih dari duabelas bulan dan akan tamat tempohnya pada 31hb Disember dalam tahun ianya dikeluarkan, melainkan jika dibatal atau digantungkan lebih awal daripada itu.

5. (1) Bayaran untuk sesuatu lesen itu ialah:

Bayaran
lesen.

(a) Untuk lesen rumah sembelih lembu-kerbau \$25.00 sebulan atau sebahagian dari sebulan.

(b) Untuk lesen rumah sembelih kambing, biri-biri dan kambing \$25.00 sebulan atau sebahagian dari sebulan.

(c) Untuk lesen rumah sembelih babi \$250.00 sebulan atau sebahagian dari sebulan.

(2) Mana-mana bahagianpun dari mana-mana bayaran yang sedemikian itu tidak akan dibayar balik atau diperolehi semula disebabkan terbatal atau tergantungnya sesuatu lesen itu.

(3) Sesuatu lesen itu tidak boleh bertukartangan kecuali setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Pegawai Pelesenan terlebih dahulu.

6. (1) Apa-apa haiwanpun yang dimaksudkan untuk digunakan sebagai makanan manusia tidak boleh disembelihkan dimana-mana premis melainkan di:

Larangan
ke atas
penyembelihan.

(i) Rumah Bantai Perbandaran; atau

(ii) mana-mana rumah sembelih yang lain.

(2) Apa-apa premis pun tidak boleh digunakan sebagai sebuah rumah sembelih kecuali setelah diperolehi satu lesen untuk tujuan tersebut daripada Pegawai Pelesenan dan lesen yang sedemikian itu pula hendaklah jangsan yang telah digantung atau dibatalkan.

(3) Seseorang yang menyembelih binatang-binatang ataupun mem-benarkan binatang-binatang disembelih di mana-mana premis dengan menyalahi undang-undang kecil ini boleh dikenakan denda sebanyak tidak lebih dari dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dari setahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya dan denda tambahan sebanyak dua ratus lima puluh ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalaban itu diteruskan.

Penalti.

emunya/
nduduk
ipertanggung-
jawabkan.

(4) Pemunya atau penduduk mana-mana premis di dalam mana sebarang haiwan disembelihkan dengan menyalahi undang-undang kecil ini akan dianggap sebagai telah menyembelih haiwan yang sedemikian itu, melainkan terbukti bahawa ia telah disembelihkan tanpa pengetahuan dan keizinan.

keadaan
rumah-rumah
sembelih.

7. (1) Setiap pemunya atau penduduk sesebuah rumah-sembelih hendaklah:

- (a) sentiasa menyebabkan supaya diadakan gantiudara yang secukupnya bagi bangunan tersebut;
- (b) menyediakan di dalam dan berhubung dengan rumah sembelih saliran yang secukupnya dengan perangkap-perangkap untuk benda pejal, dan hendaklah menjaganya supaya berada dalam keadaan yang baik;
- (c) menyedia dan menyenggarakan di dalam tiap-tiap bahagian rumah sembelih itu pencahayaan yang sesuai dan secukupnya untuk pemeriksaan daging dan sisa-sisa (offal) dengan sempurna;
- (d) menyebabkan supaya dijaga setiap bahagian permukaan di sebelah jalan di dinding-udang dan setiap bahagian lantai atau gili-gili rumah sembelih itu dalam keadaan yang baik lagi sempurna untuk mencegah darah, sampah sarap atau kotoran yang mungkin tumpah atau terpercik dari menyerap ke dalamnya;
- (e) sebab supaya disediakan di rumah sembelih itu bekalan air yang berterusan yang mana mencukupi untuk membasuh dan mencuci rumah sembelih itu, lekapan-lekapan dan alat-alat yang diguna di dalam atau berhubung dengan rumah sembelih itu;
- (f) menyedia atau sebab supaya disediakan tandas-tandas yang secukupnya untuk pekerja-pekerja, dan kemudahan-kemudahan membasuh persendirian yang secukupnya dengan air;
- (g) menyedia dan menyenggarakan kemudahan-kemudahan untuk menyuci hama kain mengelap dan pisau-pisau;
- (h) menyedia dan menyenggarakan di rumah sembelih itu bekas-bekas yang sesuai untuk memungut semua darah haiwan yang disembelih di sana sehingga darah itu tidak terus masuk ke dalam parit ketika haiwan disembelih;
- (i) membuang atau sebab supaya dibuang dari rumah sembelih itu tiap-tiap hari di antara pukul lima dan enam pagi segala baja, sampah sisa dan kotoran;
- (j) menyedia dan menyenggarakan bekas-bekas lengkap dengan tudung yang ketat, yang cukup untuk memungut dan membuang dari rumah sembelih itu segala sampah dan kotoran;
- (k) sebab supaya dipasangkan papanama dengan tulisan di atasnya dalam Bahasa Melayu dan Inggeris yang mudah dibaca dan pelit nombor premis di hadapan rumah sembelih itu.

(2) Mana-mana pemunya atau penduduk yang mana, selepas diberi notis kepadanya secara bertulis oleh Pegawai Haiwan Perbandaran bahawa rumah sembelih itu adalah kurang sempurna dari segi mana-mana butir tersebut dan menghendakinya supaya membetulkan kekurangan itu dalam masa yang ditentukan, tidak menunaikan kehendak sedemikian boleh dikenakan denda tidak lebih dari dua ratus lima puluh ringgit bagi tiap-tiap satu hari yang ia tidak menunaikan kehendak itu.

Tugas-tugas
pemunya atau
penduduk.

8. (1) Setiap pemunya atau penduduk sesebuah rumah sembelih hendaklah jangan:

- (a) membenarkan dibawa ke dalam rumah sembelih atau mana-mana bahagian rumah sembelih karkas atau mana-mana bahagian karkas haiwan yang telah mati atau disembelih di tempat lain selain dari di rumah sembelih itu;

- (b) mengurung atau membenar supaya dikurung di dalam rumah sembelih mana-mana haiwan di tempat lain selain dari di dalam kurungan kandang dan bangsal yang sempurna;
- (c) menyembelih membenar atau menyebabkan disembelih mana-mana haiwan di rumah sembelih di luar waktu-waktu yang diluluskan oleh Pegawai Pelesenan.

(2) Seseorang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih dari dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dari setahun atau denda dan penjara kedua-duanya.

9. (1) Seseorang Pegawai Haiwan Perbandaran boleh, pada bila-bila masapun, baik di sebelah malam ataupun siang memasuki dan memeriksa sebarang premis di dalam mana ia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa se-seekor haiwan sedang ataupun baru saja disembelih dengan menyalahi undang-undang kecil ini dan untuk memeriksa sebarang bakul, beg, uncang atau bungkusan di dalam mana ia mempunyai sebab-sebab yang menasabah untuk mempercayai yang ianya mengandungi karkas haiwan yang telah disembelih dengan cara begitu;

Kuasa untuk memasuki premis.

(2) Pemunya atau penduduk sesebuah rumah sembelih hendaklah membenarkan seseorang Pegawai Haiwan Perbandaran masuk ke tiap-tiap bahagian rumah sembelih itu pada bila-bila masa, baik di sebelah siang atau pun di sebelah malam bagi tujuan memeriksa dan menggelidai rumah sembelih itu, dan untuk memeriksa haiwan-haiwan serta karkas-karkas yang didapati di dalamnya.

10. (1) Haiwan tidak boleh disembelih di dalam sesebuah rumah sembelih melainkan dan sehingga haiwan yang sedemikian itu diperiksa oleh seorang Pegawai Haiwan Perbandaran.

Pemeriksaan binatang-binatang.

(2) Seseorang Pegawai Haiwan Perbandaran boleh menahan penyembelihan mana-mana haiwan atau penyalinan mana-mana karkas yang berpenyakit ataupun, kerana sebab kekurangan, tidak layak pada pendapatnya untuk makanan manusia.

(3) Seseorang Pegawai Haiwan Perbandaran boleh mengarahkan supaya mana-mana haiwan yang sedemikian itu dipindahkan dengan sertamerta untuk pemerhatian dan rawatan ataupun untuk dimusnahkan.

(4) Apabila seseorang Pegawai Haiwan Perbandaran mengarahkan supaya se-seekor haiwan itu dipindah dan ditahan untuk diperhati dan dirawat, maka, adalah juga wajar baginya untuk mengarahkan supaya haiwan yang sedemikian itu diberi makanan dan air dengan secukupnya dan juga tempat tidur.

(5) Karkas serta sisa dari sebarang haiwan yang dibunuh berikutan dari arahan yang diberikan oleh Pegawai Haiwan Perbandaran dan mana-mana karkas berpenyakit yang lain hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang diarahkan olehnya.

(6) Seseorang yang cuai atau gagal atau enggan menjalankan sebarang arahan yang mungkin diberikan di dalam undang-undang kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda sebanyak dua ratus lima puluh ringgit bagi tiap-tiap sehari kesalahan yang sedemikian itu diteruskan.

11. Karkas atau bahagian dari karkas mana-mana haiwan yang disembelih di sesebuah rumah sembelih tidak boleh dibawa keluar dari rumah sembelih itu melainkan dan sehingga ianya telah diperiksa oleh seorang Pegawai Haiwan Perbandaran, yang mana, sekiranya ia berpuashati bahawa karkas itu layak untuk makanan manusia, akan mengecapkan tanda Rumah Bantai Perbandaran di atas karkas itu bagi

Menanda karkas.

menunjukkan bahawa haiwan yang sedemikian itu telah disembelih dengan cara yang sebegitu rupa. Mana-mana karkas atau bahagian dari karkas yang tidak mempunyai tanda Rumah Bantai Perbandaran itu akan dianggap, sehinggalah terbukti sebaliknya, sebagai telah disembelih dengan menyalahi undang-undang kecil ini.

Bayaran
Pemeriksaan.

12. Mengenai tiap-tiap seekor haiwan yang diperiksa oleh seorang Pegawai Haiwan Perbandaran, bayaran-bayaran yang berikut akan dikenakan:

- (a) Lembu Kerbau \$1.00 bagi tiap-tiap seekor haiwan;
- (b) kambing dan kambing biri-biri \$1.00 bagi tiap-tiap seekor haiwan;
- (c) babi \$0.50 bagi tiap-tiap seekor haiwan.

Lesen-lesen
khas kepada
penghuni
rumah.

13. (1) Pegawai Pelesenan boleh, atas permohonan bertulis daripada mana-mana penghuni rumah, mengeluarkan satu lesen khas kepada penghuni rumah sedemikian untuk menyembelih seekor haiwan untuk tujuan-tujuan domestik, kenduri atau korban di lain-lain tempat selain dari Rumah Bantai Perbandaran atau sebuah rumah sembelih.

(2) Tiap-tiap lesen seumpama itu hendaklah menyatakan masa dan tempat di mana haiwan sedemikian itu akan disembelih dan lesen ini akan dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) bahawa tempat di mana haiwan itu akan disembelih akan diluluskan oleh seorang Pegawai Haiwan Perbandaran;
- (b) bahawa mana-mana bahagian karkas haiwan sedemikian itu tidak akan dijual atau ditawarkan untuk dijual;
- (c) bahawa haiwan sedemikian itu akan disembelih di hadapan seorang Pegawai Haiwan Perbandaran jika ia menganggapnya perlu.

(3) Mengenai tiap-tiap haiwan yang disembelih di bawah lesen khas sedemikian itu, bayaran baginya hendaklah sebagaimana yang ditetapkan, tidak lebih dari sepuluh kali ganda bayaran yang kena dibayar bagi haiwan itu jika ianya disembelih di Rumah Bantai Perbandaran.

(4) Pegawai Pelesenan sebelum mengeluarkan lesen sedemikian itu mungkin memerlukan jaminan yang munasabah yang difikirkannya patut bahawa syarat-syarat itu akan dipatuhi.

Lesen khas
di mana
haiwan tidak
boleh dibawa
ke Rumah
Bantai Per-
bandaran atau
rumah sembelih.

14. (1) Pegawai Pelesenan, jika ia berpuashati bahawa:

- (a) mana-mana haiwan tidak boleh ditarik, dibawa atau dibawa dengan kenderaan ke Rumah Bantai Perbandaran atau sebuah rumah sembelih tanpa membahayakan orang ramai atau kepada diri haiwan itu sendiri atau
- (b) mana-mana haiwan telah tercedera sehingga tidak dapat ditarik, dibawa atau dibawa dengan kenderaan ke Rumah Bantai Perbandaran atau sebuah rumah sembelih;

boleh mengeluarkan satu lesen khas kepada orang yang menjaga haiwan itu untuk menyembelih haiwan tersebut di tempat yang lain selain dari di Rumah Bantai Perbandaran atau sebuah rumah sembelih.

(2) Sebelum memberi lesen khas sedemikian itu, Pegawai Pelesenan boleh berkehendakkan haiwan itu diperiksa oleh seorang Pegawai Haiwan Perbandaran atas perbelanjaan orang memohon mendapatkan lesen itu.

(3) Tiap-tiap lesen khas sedemikian itu hendaklah menyatakan masa dan tempat di mana haiwan itu akan disembelih dan akan dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) bahawa tempat di mana haiwan sedemikian akan disembelih hendaklah diluluskan oleh seorang Pegawai Haiwan Perbandaran;

- (b) bahawa haiwan sedemikian hendaklah disembelih di hadapan seorang Pegawai Haiwan Perbandaran jika ia menganggapnya perlu;
- (c) bahawa selepas disembelih, karkas haiwan itu, termasuk hati, limpa, paru-paru dan jantung, hendaklah dibawa ke Rumah Sembelih Perbandaran atau lain-lain tempat yang disebutkan di dalam lesen itu.
- (4) Mengenai tiap-tiap haiwan yang disembelih di bawah lesen khas sedemikian itu bayaran baginya hendaklah sebagaimana yang ditetapkan, tidak melebihi sepuluh kali ganda bayaran yang kena dibayar bagi binatang itu jika ianya disembelih di Rumah Bantai Perbandaran.
- (5) Pegawai Pelesenan sebelum mengeluarkan lesen sedemikian itu bolehlah menghendaki jaminan yang munasabah yang difikirkannya patut bahawa syarat-syarat itu akan dipenuhi.

15. (1) Sesiapa yang:

- (a) menanda karkas atau sebahagian dari karkas seseekor haiwan yang tidak disembelih di Rumah Bantai Perbandaran atau di sebuah rumah sembelih dengan apa jua tanda dengan tujuan menyebabkan haiwan itu dipercayai disembelih di Rumah Bantai Perbandaran atau di sebuah rumah sembelih; atau
- (b) membuat atau memiliki sebarang pencilup, pelit ataupun alat lain untuk tujuan ianya digunakan ataupun mempunyai pengetahuan atau mempunyai alasan untuk memperoayai bahawa ianya akan digunakan untuk maksud memalsukan sesuatu tanda rumah sembelih Perbandaran; atau
- (c) menjual atau mempamirkan untuk jualan atau memiliki untuk menjual karkas atau sebahagian dari karkas seekor haiwan yang tidak disembelih di Rumah Bantai Perbandaran atau di sebuah rumah sembelih, yang mempunyai satu tanda yang dimaksudkan menyerupai tanda sebuah rumah sembelih Perbandaran atau ditandakan sedemikian rupa, hingga menyebabkannya dipercayai disembelih di Rumah Bantai Perbandaran atau di sebuah rumah sembelih, kecuali ia membuktikan bahawa ia tanpa pengetahuan telah menjual atau mempamirkan atau memiliki karkas atau sebahagian dari karkas itu; atau
- (d) memiliki atau menjual atau menawarkan untuk jualan karkas mana-mana haiwan yang disembelih dengan menyalahi undang-undang kecil ini;

Kesalahan-kesalahan dan Penalti.

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih dari dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dari setahun ataupun denda dan penjara kedua-duanya.

16. (1) Seseorang Pegawai Haiwan Perbandaran boleh merampas karkas yang mengenainya suatu kesalahan telah dilakukan mengikut undang-undang kecil ini serta memerintahkan supaya karkas itu dimusnahkan, dan sesuatu mahkamah itu boleh membuat satu perintah atau mengenakan denda di bawah undang-undang kecil ini tanpa dibawa karkas itu ke mahkamah.

Rampasan:

(2) Seseorang Pegawai Haiwan Perbandaran boleh juga merampas mana-mana kereta sorong atau kenderaan atau bakul, uncang, beg atau bungkusan yang mengandungi karkas yang mengenainya satu kesalahan telah dilakukan di bawah undang-undang kecil ini dan, sebarang pencilup, pelit atau alat lain dan sebarang tanda Rumah Bantai Perbandaran yang palsu dan memerintahkannya dilupuskan.

(3) Di mana kesalahan di bawah undang-undang kecil ini telah dikompakan, apa-apa benda termasuk karkas yang telah dirampaskan di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini boleh dilepaskan mengikut cara yang diarahkan oleh Pegawai Pelesenan itu.

Mengkompakan.

Pemansuhan. 17. Undang-undang kecil mengenai rumah-rumah sembelih yang telah dibuat oleh Lembaga Luarbandar bagi Pulau Pinang dan disiarkan di dalam Pemberitahu *Gazet* Bil. 1207 tahun 1911 dan *Gazet* Pulau Pinang Bil. 37 bertarikh 18hb Februari 1960 dengan ini adalah dibatalkan.
Diperbuat pada 1hb Februari, 1979.

DATUK MOHAMED BIN YEOP ABDUL RAOF,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Pulau Pinang

Disahkan pada 14hb Jun, 1979.

[PSUK/PP/16881/Bah. 15; R. 50/8/6-1 (V);
PU/PP/1126/Bah. 15.]

WONG HIN FATT,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan, Pulau Pinang

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

MUNICIPAL COUNCIL OF PENANG ISLAND (SLAUGHTER-HOUSES) BY-LAWS, 1979

Act 171. WHEREAS in exercise of the powers conferred by sections 73 (e) and 102 (s) of the Local Government Act, 1976, the Municipal Council of Penang Island at a meeting of the Council held on 1st February, 1979, passed the Municipal Council of Penang Island (Slaughter-houses) By-laws, 1979 (hereinafter referred to as "the by-laws");

Now, therefore, in exercise of the powers conferred by section 103 of the Local Government Act, 1976, the State Authority hereby confirms the by-laws as follows:

Citation. 1. These By-laws may be cited as the Municipal Council of Penang Island (Slaughter-houses) By-laws, 1979.

Interpretation. 2. In these By-laws unless the context otherwise requires:
"animal" means cattle, sheep, goats, swine and all other ruminating animals;

"Council" means the Municipal Council of Penang Island;

"Licensing Officer" means the person for the time being performing the duties of the Director of Veterinary Services of the Council and includes his Deputy;

"Municipal Veterinary Officer" means the officer for the time being performing the duties of the Director of Veterinary Services of the Council and includes his Deputy and an Assistant Veterinary Surgeon and any other officer generally authorised in writing by the Licensing Officer in that behalf;

"Municipal Abattoir" means the slaughter-house established, maintained, controlled and operated by the Council;

"Municipal Abattoir mark" means the stamp of the Municipal Veterinary Department approved by the Licensing Officer;

"Nameboard" means any board, or surface on the outer wall of a building or any sign attached to a building used only for the purpose of giving the name of the person or firm, trading within the same building, together with the nature of the trade or business conducted;